

DEWAN RAKYAT

Oleh ZAINUDDIN AYIP, MIOR KAMARUL SHAHID dan HANIZAM ABDULLAH

KURIKULUM DARJAH RENDAH JALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakub menegaskan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tidak mempunyai sebarang masalah pelaksanaan.

Menjawab soalan tambahan Enck Chan Kok Kit semasa soal-jawab di Dewan Rakyat, Datuk Khalil berkata, masalah hanya wujud di peringkat awal pelaksanaan dan tidak di peringkat akhir.

Menjawab soalan tam-

bahan dari ketua pembangkang, Enck Lim Kit Siang, Timbalan Menteri Pelajaran berkata, setakat ini, Kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan sistem tersebut.

Katanya, masa tambahan untuk pelajaran Bahasa Inggeris di bawah sistem tersebut tidak timbul.

Menjawab soalan asal dari Datuk Lee Kim Sai (BN-Hulu Selangor), Datuk Khalil berkata, melalui pengesanan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, beberapa kemajuan telah

dicapai mengenai pelaksanaan KBSR.

Dari segi guru, katanya, mereka lebih berkeyakinan untuk menjalankan pengajaran mengikut panduan-panduan yang dicadangkan dan memilih cara-cara yang lebih sesuai dengan keadaan kelas masing-masing.

Datuk Khalil berkata, sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR juga menubuhkan Jawatankuasa KBSR untuk meringankan beban guru dan mengatasi masalah yang timbul.

Dari segi pembela-

jaran murid, Datuk Khalil berkata, kemajuannya lebih nyata lagi.

Jelasnya, murid-murid lebih berminat untuk belajar dan lebih aktif mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam pembelajaran.

Interaksi sesama mereka dan guru-guru juga lebih lancar, berbanding kelas-kelas lain yang tidak mengikuti KBSR.

Bellu berkata, hasil suasananya yang demikian, pencapaian murid dalam pelajaran juga bertambah baik.



□ DATUK KHALIL

\$90j untuk bantu kontraktor 'derita'

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan memperuntukkan \$90 juta untuk membantu para kontraktor yang 'menderita' akibat tekanan inflasi dari tahun 1977 hingga 1979.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu berkata, dari jumlah itu, \$25 juta telah dibayar kepada 160 kontraktor di Kelantan.

"Ramai kontraktor di negeri itu yang

menghadapi masalah akibat tekanan inflasi telah dibantu untuk berbuat semula," kata beliau ketika menjawab soalan Wan Ibrahim Abdullah (Pas-Pasir Mas) di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, kerajaan mengambil beberapa langkah untuk masalah kontraktor-kontraktor Bumiputera di Semenanjung Malaysia.

Langkah pertama, kerajaan menambah bilangan bahan-bahan yang boleh dituntut tambahan harga kerana inflasi dari dua jenis

kepada lapan jenis bahan mulai 1980.

Seterusnya, pada tahun 1981, kerajaan bersetuju menambah tujuh lagi jenis bahan menjadikannya 15 jenis bahan yang boleh dituntut tambahan harga sekiranya berlaku kenaikan harga selepas kontrak ditandatangani.

Dengan langkah ini kerajaan berharap risiko yang dihadapi oleh kontraktor sekiranya berlaku inflasi akan dapat dikurangkan, katanya.

Langkah kedua ialah dengan membayar tam-

bahan 12.34 peratus daripada nilai asal kerja peminba bagi setiap kontrak binaan yang berharga \$1 juta dan ke bawah bagi kontrak-kontrak yang diikat dalam tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979.

Pertimbangan yang sama diberikan juga bagi kontrak-kontrak binaan yang bernilai di antara \$1 juta hingga \$5 juta jika terbukti kontraktor-kontraktor tersebut mengalami kerugian disebabkan inflasi dalam tahun-tahun tersebut, katanya.

Ibu sawat 1,000 talian akan dipasang di Baling

KUALA LUMPUR, Khamis — Sebuah ibu sawat telefon dengan keypad 1,000 talian akan dipasang di Baling pertengahan tahun hadapan bagi mengatasi masalah perkhidmatan telefon yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan itu.

Ibu sawat tersebut akan juga dilengkapi dengan kemudahan sendiri terus dalil (STD) sepenuhnya.

Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Clarence Mansul berkata demikian ketika menjawab soalan Haji Seroji bin Haji Haron (BN-Baling) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau ingin tahu sama ada kerajaan sedar perkhidmatan telefon yang dihadapi oleh penduduk Baling dan langkah seterusnya dari Malaysia.

Menurut Datuk Clarence, serentak dengan pemasangan ibu sawat tersebut litar cabang Baling — Sungai Petani akan ditambah sebanyak 24 litar lagi.

Katanya lagi, perkhidmatan telefon di Baling menghadapi masalah kerana ibu sawat Baling kini adalah dari jenis lama dengan muatan maksimum 300 talian.

"Semua panggilan luar dari kawasan Baling hendaklah dibuat dengan bantuan telefonis kerana tidak dilengkapkan dengan kemudahan STD," katanya.

Menjawab soalan lain dari Enck Wan Ibrahim Wan Abdullah (PAS-Pasir Mas), Datuk Clarence menjelaskan, kerajaan amat sedar bahawa kawasan Baling adalah di bawah kawasan keselamatan.

"Atas kesedaran inilah Kementerian ini mengambil langkah memasang ibu sawat," tegasnya.



□ DATIN PADUKA RAFIDAH

Biarkan nelayan tangkapan ikan di mana2

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan disyor mewujudkan satu dasar perikanan yang tersendiri bagi membolehkan semua nelayan menangkap ikan di mana saja dan dapat terus hidup berdasarkan industri perikanan.

"Kerajaan juga diminta membantu nelayan-nelayan kecil di tepi pantai supaya dapat bersaing dengan rakan mereka yang menangkap ikan di tengah laut.

Syor ini dikemukakan oleh Enck Abdul Raman Sulaiman (BN-Parit Buntar) ketika membahaskan belanjawan negara tahun depan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau juga menyoal masalah pemberian subsidi padi kepada petani yang kini kurang kemas dan berkesan.

"Saya syorkan supaya sistem kupon yang ada sekarang dipinda kepada subsidi yang lebih mengikut keluasan tanah yang disusahakan oleh setiap pesawah," katanya.

Misalnya, kata Enck Raman, pesawah yang mengerjakan 0.4 hektar untuk diberi subsidi \$3000 untuk mengelakkan keadaan tidak produktif, pemberian patut hanya diberi kepada tanah-tanah yang benar-benar ditanam padi.

Dengan adanya sistem ini, beliau yakin, pesawah bukan saja dapat menikmati subsidi Kerajaan, tapi juga mengehendarakan penambahan tanah-tanah orang asing.

Enck Raman juga menggesa Kerajaan tidak melonggarkan usaha meningkatkan syiar Islam di negara ini.

Kerajaan, katanya, perlu mengkaji semula Jabatan Agama negeri dan membantu jika menghadapi kesulitan.

Syarat pindah permit teksi mungkin dikaji

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan sedang memimbang kemungkinan membenarkan pemindahan permit teksi kepada anak atau saudara terdekat yang layak, kata Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Hajah Rafidah Aziz.

Beliau berkata, setiap kes penyewaan permit teksi yang dilaporkan juga akan diteliti mengikut keadaan kes itu.

Kerajaan, jelasnya, tidak boleh menarik balik dengan sewenang-wenangnya permit itu.

Beliau memberi contoh, seorang suami yang memiliki teksi meninggal dunia dan meninggalkan keluarga yang bergantung hidup semata-mata dengan hasil pencarian teksi itu.

"Dalam keadaan ini, adalah wajar diberi kelonggaran supaya teksi itu diserahkan kepada

anakny atau saudara terdekat supaya mata pencarian keluarga berkenaan tidak terjejas," katanya lagi.

Beliau menjelaskan demikian dalam jawapan bertulis kepada Enck Chan Kok Kit (DAP-Sungai Besi) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, pertimbangan yang sewajarnya juga diberi kepada semua permohonan untuk mendapatkan permit teksi terutamanya pemandu-pemandu teksi yang kini menyewa teksi orang lain.

"Untuk memberi pertimbangan yang saksama Kementerian saya telah menetapkan beberapa kriteria yang digunakan sebagai asas pertimbangan," jelasny.

Kriteria-kriteria yang dimaksudkan ialah:

- Memiliki lesen kenderaan perkhidmatan awam atau PSV yang sah.
- Pengalaman memandu teksi.

- Tanggungan dan
- Modal untuk membeli teksi.

Beliau berkata, hanya pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memandu teksi dan telah memandu teksi sama ada secara makan gaji atau sewa untuk satu jangka masa yang tertentu sahaja akan ditimbangkan dan diluluskan.

Mengenai pembatalan permit, beliau menjelaskan, dasar pemilih pada sendiri baharu saja diperkenalkan pada pertengahan tahun 1979.

Semua permit yang dikeluarkan selepas tarikh itu adalah disyaratkan supaya dipandu sendiri.

Sekiranya laporan diperoleh melalui Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa teksi-teksi itu tidak disusahakan sendiri maka tindakan untuk membatalkan permit berkenaan akan diambil, kata Datin Paduka Hajah Rafidah lagi.

Rangka persatuan pengeluar timah hampir selesai

KUALA LUMPUR, Khamis — Draf penubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (Malaysia, Indonesia dan Thailand) akan dikeluarkan tidak lama lagi, kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, hari ini.

Beliau berkata, butir-butir mengenai penubuhan persatuan itu kini sedang dikaji dengan mendalam dan dijangka selesai tidak lama lagi.

Menjawab soalan Enck Oun Gin Sun (BN-Alur Setar) di Dewan Rakyat, beliau berkata:

"Persatuan negara-negara pengeluar timah bertujuan memastikan perputangan yang berminat kepada negara-negara

mengadakan bekalan pada harga yang munasabah kepada pengguna-pengguna timah."

Bagi mencapai matlamat ini, beliau berkata, persatuan tersebut memperuntukkan langkah-langkah yang tidak diliputi oleh perjanjian timah antarabangsa keenam untuk mempertingkatkan penyediaan dan kemajuan ke atas penggunaan timah dan untuk memperkuatkan pemasaran dan memperbaiki lagi maklumat dan risikan pasaran.

"Suka saya menegaskan di sini bahawa bukanlah menjadi tujuan negara-negara pengeluar di dalam menubuhkan persatuan supaya lanya dapat menand-

ingi ataupun berasing dengan perjanjian timah antarabangsa keenam."

Sebaliknya, kata beliau, kegiatan persatuan akan dapat meningkatkan lagi fungsi dan kerjasama antarabangsa di bidang barangan khususnya timah.

Oleh itu adalah jelas, penubuhan persatuan negara-negara pengeluar timah ini adalah tidak bercanggah dengan perjanjian timah antarabangsa keenam.

"Malah kedua-dua pertubuhan tersebut akan dapat saling bantu-membantu bagi mencapai matlamat yang sama, iaitu penstabilan perusahaan timah dunia," ujar Datuk Leong lagi.

Sejarah merdeka ada dalam pelajaran

KUALA LUMPUR, Khamis — Bahasan perjuangan kemerdekaan negara diterapkan dalam mata pelajaran sejarah bagi sekolah rendah dan menengah, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakub, berkata demikian ketika menjawab soalan Enck V. Govindaraj (BN-Pelabuhan Kelang).

Beliau ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang menerbitkan satu buku rasmi mengenai perjuangan kemerdekaan negara memandangkan apa yang terdapat setakat ini cuma catatan-catatan individu yang berbagai-bagai bentuk.

Menurut Datuk Khalil, usaha tersebut akan dilaksanakan melalui Kementerian Pelajaran, khasnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta media massa.